Usim, TV AlHijrah tingkat imej Islam

UNIVERSITI Sains Islam Malaysia (Usim) menjalin kerjasama pintar dengan stesen televisyen Islam pertama negara, TV AlHijrah bagi meningkatkan kembali imej Islam di mata dunia.

Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Muhammad Muda berkata hasrat itu mampu dicapai hasil usaha bersama dalam melahirkan bakat serta modal insan melalui saluran media.

"Usaha ini tanggungjawab bersama mendidik masyarakat menilai Islam secara positif.

"Usim akan memberi sumbangan berbentuk kajian bagi mengenal pasti kehendak masyarakat supaya mereka menerima maklumat tepat," katanya.

Beliau berkata, televisyen adalah medium paling berkesan mendekati serta mempengaruhi masyarakat.

"Kerjasama erat ini juga diharap mampu meningkatkan kemampuan umat Islam menghasilkan produk terbaik dan bermutu.

"Pensyarah serta pelajar Usim juga dapat menimba pendedahan dalam dunia penyiaran kerana TV AlHijrah memiliki prasarana canggih," katanya dalam sidang media selepas menandatangani perjanjian persefahaman berkenaan di Pusat Penyiaran Digital TV AlHijrah, Kompleks Pusat Islam baru-baru ini.

Turut hadir dalam majlis berkenaan ialah Pengerusi TV AlHijrah, Tan Sri Dr Mohd Yusof Noor dan Ketua Pegawai Eksekutif TV AlHijrah, Bukhari Che Muda.

Sementara itu, Bukhari berkata TV AlHijrah memberi peluang kepada Usim menggunakan kepakaran mereka untuk menjalankan kajian terhadap tabiat, minat serta cita rasa penonton dengan lebih meluas.

BEKERJASAMA... Bukhari (kiri) bersama Muhammad (kanan) dalam Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman Pintar antara TV Al-Hijrah dan Usim baru-baru ini.